


Bil. S 43



PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA, 1959

PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA
(PINDAAN), 2024

SUSUNAN BAB-BAB


Bab

Ucapan doa

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pindaan bab 2 dari Perlembagaan II
3. Pindaan bab 6
4. Pindaan bab 7
5. Pindaan bab 8
6. Pindaan bab 11
7. Pindaan bab 12
8. Pindaan bab 13
9. Pindaan bab 14
10. Pindaan bab 15
11. Pindaan bab 17
12. Pindaan bab 20
13. Pindaan bab 21
14. Pindaan bab 28
15. Pindaan bab 29
16. Pindaan Jadual

Pengesahan

Ucapan doa



PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA, 1959

**PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA
(PINDAAN), 2024**

*Bismillahir Rahmannir Rahim, Alhamdulillah Rabbi 'Alamin, Wassalatu
Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.*



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DENGAN KURNIA ALLAH, BETA, SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT MAHKOTA BRUNEI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT LAILA UTAMA YANG AMAT DIHORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT SERI UTAMA YANG AMAT DIHORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SERI UGAMA ISLAM NEGARA BRUNEI YANG AMAT BERSINAR, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA LAILA JASA KEBERANIAN GEMILANG YANG AMAT CEMERLANG, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA KEBERANIAN LAILA TERBILANG YANG AMAT GEMILANG, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PAHLAWAN NEGARA BRUNEI YANG AMAT PERKASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA SERI LAILA JASA YANG AMAT BERJASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PERWIRA AGONG NEGARA BRUNEI YANG AMAT SETIA, HONORARY KNIGHT GRAND CROSS

OF THE MOST HONOURABLE ORDER OF THE BATH (UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA), HONORARY KNIGHT GRAND CROSS OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE (UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA), HONORARY COMMANDER OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE (UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (MALAYSIA), COLLAR OF THE SUPREME ORDER OF THE CHRYSANTHEMUM (JEPUN), THE ORDER OF AL-HUSSEIN BIN ALI (JORDAN), THE CIVIL ORDER OF OMAN, FIRST CLASS (KESULTANAN OMAN), AL-KHALIFA (BAHRAIN), QUISSAM EL MOHAMMDI GRAND COLLIER (MOROCCO), THE MOST AUSPICIOUS ORDER OF THE RAJAMITRABHORN (THAILAND), THE GREAT COLLAR OF BADR (ARAB SAUDI), KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF THE SERAPHIM (SWEDEN), KNIGHT GRAND CROSS OF THE NETHERLANDS (NETHERLANDS), QILADAT AL-MUBARAK AL-KABIR - COLLAR OF MUBARAK THE GREAT (KUWAIT), GRAND ORDER OF MUGUNGHWA (REPUBLIK KOREA), BINTANG REPUBLIK INDONESIA ADIPURNA (REPUBLIK INDONESIA), COLLAR OF THE NILE (REPUBLIK ARAB MESIR), THE ORDER OF LAKANDULA WITH THE RANK OF GRAND COLLAR SUPREMO (REPUBLIK FILIPINA), THE ANCIENT ORDER OF SIKATUNA RANK OF RAJAH (REPUBLIK FILIPINA), THE ORDER OF TEMASEK, FIRST CLASS (REPUBLIK SINGAPURA), NISHAN-E-PAKISTAN (REPUBLIK ISLAM PAKISTAN), GRAND CROIX LEGION D'HONNEUR (REPUBLIK PERANCIS), GRAND CROSS SPECIAL CLASS OF THE ORDER OF MERIT (REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN), THE ORDER OF MERIT, FIRST CLASS (UKRAINE), THE ORDER OF PRINCE YAROSLAV THE WISE, FIRST CLASS (UKRAINE), GRAND COLLAR OF THE ORDER OF TIMOR-LESTE (TIMOR-LESTE), PHOXAY LANE XANG (REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAOS), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (KELANTAN), DARJAH KERABAT YANG AMAT DIHORMATI (JOHOR), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT SRI INDERA MAHKOTA PAHANG YANG AMAT DIHORMATI (PAHANG), DARJAH KERABAT SELANGOR YANG UTAMA (SELANGOR), DARJAH KERABAT BAGINDA SYED PUTRA (PERLIS), DARJAH KERABAT DI-RAJA YANG AMAT DIHORMATI (PERAK), DARJAH UTAMA KERABAT DI-RAJA TERENGGANU YANG AMAT DIHORMATI (TERENGGANU), DARJAH KERABAT YANG AMAT MULIA (KEDAH), DARJAH SULTAN IBRAHIM JOHOR YANG AMAT DISANJUNGI PANGKAT PERTAMA DATO' SRI MULIA SULTAN IBRAHIM JOHOR (JOHOR), DARJAH UTAMA BINTANG SARAWAK (SARAWAK), SERI PANGLIMA DARJAH KINABALU (SABAH), DARJAH KEPAHLAWANAN ANGKATAN TENTERA - PANGLIMA GAGAH ANGKATAN TENTERA (MALAYSIA), DARJAH UTAMA BAKTI CHEMERLANG (TENTERA) (REPUBLIK SINGAPURA), THE PHILIPPINES LEGION OF HONOUR (DEGREE OF CHIEF COMMANDER) (REPUBLIK FILIPINA), THE CROSS OF HONOUR FOR FAITH AND FAITHFULNESS TO THE STATE (UKRAINE), Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Berdaulat dan Wilayahnya serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya.

BAHAWASANYA pada 26 haribulan Rabiulawal Hijrah Nabi Salallahu 'Alaihi Wassalam Seribu tiga ratus tujuh puluh sembilan bersamaan dengan 29 haribulan September, Seribu sembilan ratus lima puluh sembilan, BETA telah memasyhurkan Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 (selepas ini disebut sebagai Pemasyhuran utama);

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan di bawah bab 31 dari Pemasyhuran utama bahawa BETA boleh meminda Pemasyhuran utama;

DAN BAHAWASANYA BETA telah memikirkan adalah mustahak supaya peruntukan-peruntukan tertentu dalam Pemasyhuran utama dipinda dalam berbagai hal;

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA BETA pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA oleh bab 31 dari Pemasyhuran utama DENGAN INI MEMASYHURKAN dengan nama BETA dan bagi pihak diri BETA dan bagi pihak Pengganti-Pengganti BETA sebagaimana yang tersebut di bawah ini —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Pemasyhuran ini boleh digelar sebagai Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja (Pindaan), 2024 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Pemasyhuran ini dibuat.

Pindaan bab 2 dari Perlembagaan II

2. Bab 2 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan sejurus selepas takrifan "Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja" takrifan baru yang berikut —

" "Timbalan Sultan" bermakna —

(a) orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 17; atau

(b) dalam Tempoh Sementara, orang-orang yang menjalankan untuk dan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 12;"

(b) dalam takrifan "Tempoh Sementara", dengan memotong "atau keputusan di bawah cerai (1) bab 12 bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak gering lagi dan boleh menjalankan semula tugas-tugas Negara" dari tiga baris akhir dan menggantikannya dengan "di bawah cerai (1) atau (2A) bab 12, mengikut mana

yang lebih awal, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berupaya untuk membuat keputusan”;

(c) dengan memotong takrifan “Sultan” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“Sultan” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” bermakna Sultan yang baru dimasyhurkan telah menaiki takhta Kerajaan sama ada atau tidak Baginda telah dipuspakan atau ditabalkan sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tidak kira sama ada suatu perisytiharan telah dibuat atau disahkan di bawah bab 12 bahawa Baginda, oleh kerana Baginda tidak berupaya untuk membuat keputusan, tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara;”;

(d) dengan memotong takrifan “Timbalan Sultan”.

Pindaan bab 6

3. Bab 6 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda, dalam ceraiian (2)(c), dengan memotong “dan Ketua Hakim Syar’ie” dan menggantikannya dengan “, Ketua Hakim Syar’ie, Pemerintah Angkatan Bersenjata dan Pesuruhjaya Polis”.

Pindaan bab 7

4. Bab 7 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda, dalam ceraiian (1) —

(a) dengan memotong “Bahagian” dan menggantikannya dengan “Pemasyhuran”;

(b) dalam perenggan (c), dengan memasukkan “atau Tribunal Tafsiran” sejurus selepas “mahkamah” dalam baris akhir.

Pindaan bab 8

5. Bab 8 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (2), dalam proviso, dengan memotong “ceraiian-ceraiian (3) dan (4)” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “ceraiian (3)”;

(b) dalam ceraiian (3), dengan memotong “yang dikehendaki oleh ceraiian (4)” dari baris keempat;

(c) dengan memotong ceraiian (4).

Pindaan bab 11

6. Bab 11 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (4), dengan memotong “Majlis Mesyuarat Di-Raja” dari dua baris akhir dan menggantikannya dengan “Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja”;

(b) dengan memasukkan “untuk dan” sejurus sebelum “bagi pihak” di mana jua perkataan-perkataan itu terdapat dalam ceraiian-ceraiian (1), (2), (4) dan (5).

Pindaan bab 12

7. Bab 12 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dengan memotong ceraiian (1) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(1) Tertakluk kepada ceraiian-ceraiian (2A) dan (2B), jika sekurang-kurangnya dua pertiga daripada orang-orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengisytiharkan secara bertulis, dalam borang yang dinyatakan sebagai Borang 1 dalam Jadual, kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja, dan pada masa yang sama kepada Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah ceraiian (2) bab 3, bahawa mereka berpuas hati dengan keterangan, yang termasuk keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang telah memeriksa sendiri dan memeriksa fizikal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, 2 orang daripada mereka lazimnya tinggal di luar Negara Brunei Darussalam, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, oleh kerana Baginda tidak berupaya untuk membuat keputusan, tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara, dan perisytiharan itu disahkan, dalam masa 30 hari, oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah ceraiian (2) bab 3, maka, sehingga sama ada —

(a) diisytiharkan secara bertulis oleh sekurang-kurangnya dua pertiga daripada orang-orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab ini dalam borang yang dinyatakan sebagai Borang 2 dalam Jadual; atau

(b) diisytiharkan secara bertulis oleh mana-mana satu daripada yang berikut dalam borang yang dinyatakan sebagai Borang 2A dalam Jadual —

- (i) Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja;
- (ii) Timbalan Sultan yang menjalankan tugas-tugas Negara di bawah bab ini,

bahawa mereka berpuas hati dengan keterangan, yang termasuk keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang memeriksa sendiri dan memeriksa fizikal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, 2 orang daripada mereka lazimnya tinggal di luar Negara Brunei Darussalam, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berusaha untuk membuat keputusan, tugas-tugas itu hendaklah, dalam Tempoh Sementara dan tertakluk kepada ceraiian (3), dijalankan untuk dan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan —

- (A) oleh Pengganti Baginda yang sah yang disenaraikan dalam, disebut atau dicadangkan oleh ceraiian-ceraian (2), (3) dan (4) bab 3;
- (B) jika Pengganti yang sah yang disenaraikan dalam, disebut atau dicadangkan oleh ceraiian-ceraian (2), (3) dan (4) bab 3 berumur kurang dari 18 tahun, oleh, jika berkenaan, Pemangku Raja yang disebut dalam bab 11 atau, dalam hal keadaan yang dicadangkan oleh bab 11, oleh Jemaah Pemangku Raja yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja; dan
- (C) sekiranya Pengganti yang sah yang disenaraikan dalam, disebut atau dicadangkan oleh ceraiian-ceraian (2), (3) dan (4) bab 3 tiada, oleh Jemaah Pemangku Raja yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.”;

(b) dalam ceraiian (2) —

- (i) dengan memotong “Jika” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Tertakluk kepada ceraiian-ceraian (2A) dan (2B), jika”;

- (ii) dengan memotong "oleh kerana kelemahan akal fikiran atau tubuh badan" dari baris ketiga dan menggantikannya dengan ", oleh kerana Baginda tidak berupaya untuk membuat keputusan,";
- (iii) dengan memotong "dengan perisytiharan atau keputusan di bawah cerai itu bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak gering lagi dan boleh menjalankan semula" dari baris-baris keenam, ketujuh, kelapan dan kesembilan dan menggantikannya dengan "dengan perisytiharan di bawah cerai (1) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berupaya untuk membuat keputusan dan boleh menjalankan";

(c) dengan memasukkan sejurus selepas cerai (2) dua cerai baru yang berikut —

"(2A) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, pada bila-bila masa dalam Tempoh Sementara, mengisytiharkan, dalam borang yang dinyatakan sebagai Borang 2B dalam Jadual, kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja, dan pada masa yang sama kepada Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai (2) bab 3 atau Timbalan Sultan, mengikut mana yang berkenaan, yang termasuk keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang memeriksa sendiri dan memeriksa fizikal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, 2 orang daripada mereka lazimnya tinggal di luar Negara Brunei Darussalam, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berupaya untuk membuat keputusan dan boleh menjalankan tugas-tugas Negara.

(2B) Sekiranya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan membuat perisytiharan di bawah cerai (2A), maka, sejurus pada tarikh perisytiharan itu dan dengan tiada apa-apa tindakan atau kehendak selanjutnya —

(a) tiada apa pun pemeriksaan lain yang disebut dalam cerai (1) boleh dilakukan;

(b) tiada apa pun pengesahan atau perisytiharan lain yang disebut dalam cerai (1) boleh dibuat;

(c) apa-apa pengesahan atau perisytiharan yang disebut dalam cerai (1) yang telah dibuat adalah batal dan tidak sah, dan tidak berkuat kuasa;

(d) jika Tempoh Sementara telah bermula kuat kuasanya, tempoh itu hendaklah ditamatkan;

(e) Timbalan Sultan hendaklah dihentikan, dan disifatkan telah dihentikan, menjadi Timbalan Sultan dan hendaklah tidak lagi mempunyai kuasa atau kewajipan di bawah bab ini; dan

(f) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah terus menjalankan, atau menjalankan semula, tugas-tugas Negara.”;

(d) dalam ceraiian (3) —

(i) dengan memotong “Pengganti yang sah, Pemangku Raja dan Jemaah Pemangku Raja yang disebut dalam ceraiian (1)” di mana jua perkataan-perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan “Timbalan Sultan”;

(ii) dalam perenggan (a), dengan memotong “kepada” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “bagi”;

(iii) dalam perenggan (e), dengan memasukkan “atau “Timbalan Sultan” “ sejurus selepas “Sultan” “ dalam baris akhir;

(e) dengan memotong ceraiian (4) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(4) Kecuali ceraiian-ceraiian (2A) dan (2B), bab ini hendaklah dikenakan kepada Timbalan Sultan.”;

(f) dalam ceraiian (5) —

(i) dengan memotong “mana-mana orang yang disebut dalam ceraiian (1)(A), (B) dan (C)” dari baris-baris kedua dan ketiga dan menggantikannya dengan “Timbalan Sultan”;

(ii) dengan memotong “mana-mana orang yang disebut dalam ceraiian (1)(A), (B) dan (C) batal dan tidak berkuat kuasa” dari dua baris akhir dan menggantikannya dengan “Timbalan Sultan batal dan tidak sah, dan tidak berkuat kuasa”;

(g) dengan memasukkan sejurus selepas ceraiian (5) ceraiian baru yang berikut —

"(5A) Bagi maksud-maksud bab ini, "Timbalan Sultan" bermakna Pengganti yang sah, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja yang disebut dalam ceraiian (1)(A), (B) dan (C)."

Pindaan bab 13

8. Bab 13 dari Perisytiharan utama adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (2), dengan memotong "Majlis Mesyuarat Di-Raja" dari baris kelima dan baris akhir dan menggantikannya dengan "Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja";

(b) dalam ceraiian (3)(b) —

- (i) dengan memasukkan "mana-mana orang" sejurus selepas "melantik" dalam baris keenam;
- (ii) dengan memotong "mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja yang boleh" dari dua baris akhir.

Pindaan bab 14

9. Bab 14 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda dengan memotong "Majlis Mesyuarat Di-Raja" dari baris ketiga dan baris keempat dan menggantikan dengan "Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja".

Pindaan bab 15

10. Bab 15 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda dengan memotong "Majlis Mesyuarat Di-Raja" dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan "Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja".

Pindaan bab 17

11. Bab 17 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (1)(a), dengan memotong "dalam hal jika seorang Timbalan Sultan boleh dilantik secara sah menurut bab ini, maka" dari dua baris pertama;

(b) dengan memasukkan sejourus selepas ceraiian (1) ceraiian baru yang berikut —

“(1A) Jika —

(a) seorang Timbalan Sultan dilantik di bawah bab ini dan seorang Timbalan Sultan telah pun atau kemudiannya diisytiharkan di bawah ceraiian (1) bab 12; dan

(b) dalam tempoh itu, terdapat dua orang Timbalan Sultan pada masa yang sama,

Timbalan Sultan yang dilantik di bawah bab ini hendaklah, dalam tempoh itu, disebut sebagai Timbalan Sultan Kedua.”;

(c) dengan memotong “Majlis Mesyuarat Di-Raja” di mana jua perkataan-perkataan itu terdapat dalam ceraiian-ceraiian (4) dan (5) dan menggantikannya dengan “Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja”.

Pindaan bab 20

12. Bab 20 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan “(1)” sejourus sebelum “Jika” dalam baris pertama;

(b) dalam perenggan (a) —

(i) dengan memotong “Pengganti Baginda yang sah” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja”;

(ii) dengan memotong “suku bahagian dari” dari baris keempat;

(c) dalam perenggan (b), dengan memotong “Pengganti Baginda yang sah” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja”;

(d) dengan menambah ceraiian baru yang berikut —

“(2) Bagi mengelakkan kewahaman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah terus dalam segala hal mempunyai dan mengekalkan segala hak, kepentingan dalam dan pada, hak masuk ke dan hak menggunakan semua istana, tanah dan harta dan aset lain sepenuhnya.”.

Pindaan bab 21

13. Bab 21 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda dengan memotong "Pengganti Baginda yang sah" dari baris keempat dan baris akhir dan menggantikannya dengan "Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja".

Pindaan bab 28

14. Bab 28 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "Kesucian" dalam baris pertama;

(b) dengan memotong "bagi pihak dan atas nama" dari baris kelima dan menggantikannya dengan "untuk dan bagi pihak";

(c) dengan memotong "atau" dari baris ketiga akhir dan menggantikannya dengan "dan";

(d) dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(2) Bagi mengelakkan kewahaman, kesucian hendaklah terus ada pada batang tubuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan pada istana-istana dan tanah-tanah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagaimana yang diisytiharkan oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja di bawah cerai (1) —

(a) dalam Tempoh Sementara;

(b) selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan turun takhta di bawah Pemasyhuran ini; atau

(c) selepas suatu Perintah di bawah cerai (9) bab 17 yang mengisytiharkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah dianggap telah turun takhta."

Pindaan bab 29

15. Bab 29 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dengan memotong ceraiian (2) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

"(2) Dalam Tempoh Sementara, bab ini hendaklah dikenakan kepada Timbalan Sultan yang menjalankan untuk dan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah ceraiian (1) bab 12.";

(b) dengan menambah ceraiian baru yang berikut —

"(3) Bagi mengelakkan kewahaman, bab ini tidak boleh dikenakan kepada Timbalan Sultan yang dilantik di bawah bab 17."

Pindaan Jadual

16. Jadual kepada Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dengan memotong Borang 1 dan menggantikannya dengan Borang baru yang berikut —

"BORANG 1

(bab 12(1))

PERISYTIHARAN

KAMI, YANG BERTANDATANGAN DI BAWAH INI, setelah berpuas hati bahawa kami sama-sama mewakili sekurang-kurangnya dua pertiga daripada orang-orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 12(1) dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa kami berpuas hati dengan keterangan, termasuk keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang telah memeriksa sendiri dan memeriksa fizikal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan:

1. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
2. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
3. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
4. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT]; dan
5. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT],

2 orang daripada mereka lazimnya tinggal di luar Negara Brunei Darussalam,

BAHAWA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN, OLEH KERANA BAGINDA TIDAK BERUPAYA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN, TIDAK BERDAYA PADA MASA INI UNTUK MENJALANKAN TUGAS-TUGAS NEGARA.

Keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang disebut di atas adalah dilampirkan.

TARIKH DAN TANDATANGAN-TANDATANGAN";

(b) dengan memotong Borang 2 dan menggantikannya dengan Borang baru yang berikut —

"BORANG 2

(bab 12(1)(a))

PERISYTIHARAN

KAMI, YANG BERTANDATANGAN DI BAWAH INI, setelah berpuas hati bahawa kami sama-sama mewakili sekurang-kurangnya dua pertiga daripada orang-orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 12(1) dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa kami berpuas hati dengan keterangan, termasuk keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang telah memeriksa sendiri dan memeriksa fizikal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan:

1. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
2. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
3. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
4. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT]; dan
5. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT],

2 orang daripada mereka lazimnya tinggal di luar Negara Brunei Darussalam,

BAHAWA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN TELAH BERUPAYA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN.

Keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang disebut di atas adalah dilampirkan.

TARIKH DAN TANDATANGAN-TANDATANGAN";

(c) dengan memasukkan sejourus selepas Borang 2 dua Borang baru yang berikut –

"BORANG 2A

(bab 12(1)(b))

PERISYTIHARAN

KAMI / SAYA *, YANG BERTANDATANGAN DI BAWAH INI, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa kami / saya * berpuas hati dengan keterangan, termasuk keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang telah memeriksa sendiri dan memeriksa fizikal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan:

1. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
2. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
3. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
4. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT]; dan
5. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT],

2 orang daripada mereka lazimnya tinggal di luar Negara Brunei Darussalam,

BAHAWA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN TELAH BERUPAYA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN.

Keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang disebut di atas adalah dilampirkan.

TARIKH DAN TANDATANGAN-TANDATANGAN

* Sila potong mana yang bersesuaian.

BORANG 2B

(bab 12(2A))

PERISYTIHARAN UNTUK DIBUAT OLEH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN

Beta, _____ (*nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan*) sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sah DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa Beta berpuas hati dengan keterangan, termasuk keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang telah memeriksa sendiri dan memeriksa fizikal Beta:

1. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
2. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
3. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
4. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT]; dan
5. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT],

2 orang daripada mereka lazimnya tinggal di luar Negara Brunei Darussalam,

BAHAWA BETA TELAH BERUPAYA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN DAN BETA BOLEH MENJALANKAN TUGAS-TUGAS NEGARA.

Keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang disebut di atas adalah dilampirkan.

TARIKH DAN TANDATANGAN-TANDATANGAN".

Pengesahan

Demikianlah kandungannya. Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja (Pindaan), 2024.

Ucapan doa

Barang dirahmati ALLAH, Subhanahu Wata'ala Malikul Muluk dan diberkati Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wasallam akan Pemasyhuran ini, kekal selamanya, Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Diperbuat di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada hari ini 17 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1446 bersamaan dengan 21 haribulan Oktober, 2024, iaitu tahun kelima puluh lapan Beta di atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.